

# Berita Manmin

NO. 37 24 NOVEMBER 2024

Orang yang Telah Bertemu Tuhan



*Ketika kita melangkah ke  
ambang musim luruh,  
Kehidupan sedang dicelupkan  
dalam warna berbeza,  
Kita bersedia untuk  
permulaan baharu*

## ***Benjolan tiroid pada leher saya telah hilang sepenuhnya!***

Diaken Sunok Baik | Berusia 63 tahun, Paroki 4 di Gereja Pusat Manmin



Pada suatu hari pada bulan Januari 2024, saya bangun pagi dan berasa sakit pada leher saya. Saya dapat merasakan ketulan yang kecil. Lama-kelamaan, ketulan itu semakin membesar sehingga menjadi benjolan, dan bahagian yang terjejas membengkak. Ia mudah dilihat, jadi saya menaikkan kolar baju atau menutupnya dengan selendang.

Saya pergi ke hospital untuk mengetahui apa yang berlaku kepada saya, tetapi saya tidak mendapat diagnosis yang jelas.

Doktor mengatakan bahawa itu ialah ketulan bahan kotor dan menggunakan picagari untuk mengeluarkan cecair daripadanya. Ia kelihatan mengecil seketika tetapi muncul semula dalam satu atau dua bulan. Saya memutuskan untuk bergantung pada Tuhan dan menerima kesembuhan melalui iman.

Saya menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel pada bulan Mei, memberikan persembahan kesyukuran kepada Tuhan pada setiap hari, bertaubat atas kesalahan saya di hadapan Tuhan, dan berdoa dengan bersungguh-sungguh

untuk mendapat kesembuhan. Dengan kerinduan untuk sembuh, saya juga mendaftar sebagai pesakit dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang diadakan pada bulan Mei.

Pada 31 Mei, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dan menerima doa Pastor Soojin Lee untuk orang sakit dengan iman. Sejak itu, ketulan pada leher saya mula mengecil sedikit demi sedikit dan saya menjadi yakin bahawa Tuhan sedang menyembuhkan saya. Saya berdoa dengan lebih tekun dan selepas beberapa hari, sisa ketulan itu hilang sepenuhnya! Haleluyah!

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang menjawab doa dan menyembuhkan saya.





## ***Saraf dan sel pada kaki saya mati akibat pecahan cakera ke-2 dan ke-3 pada tulang belakang, tetapi kini hidup kembali!***

Diaken Joomyung Seo | Berusia 82 tahun, Paroki 19 di Gereja Pusat Manmin



Saya pernah mempunyai pengalaman menanggalkan kotoran lama dengan tangan dan bertekad untuk mencuci pakaian keluarga dengan tangan selepas itu. Saya membeli baldi getah yang besar dan mula mencuci pakaian. Hal ini bukan pekerjaan yang mudah bagi saya yang sudah lanjut usia dan anak-anak saya dengan tegas menghentikan saya. Namun begitu, saya mengabaikan mereka dan meneruskan kerja ini selama bertahun-tahun.

Sementara itu, saya menghadapi masalah pada pinggang dan kaki. Seluruh badan terasa berat, dan kaki kiri menjadi sejuk seperti ais, kemudian kehilangan otot dan lemak. Kedua-dua kaki menjadi berbeza panjangnya. Kaki kiri sedikit lebih pendek daripada kaki kanan. Saya mengalami kesakitan yang teruk ketika berjalan dan terpaksa berjalan

dengan berhati-hati seperti berjalan di atas ais.

Suatu hari pada bulan Ogos 2023, semasa menaiki tangga, saya kehilangan kekuatan pada kaki kiri lalu terjatuh ke belakang. Mujurlah seseorang di belakang saya membantu saya bangun dan saya terhindar daripada kemalangan yang serius. Keesokan harinya, anak bongsu saya membawa saya ke hospital.

Berdasarkan keputusan MRI, doktor berkata, “Cakera ke-2 dan ke-3 pada tulang belakang kiri telah pecah teruk, menyebabkan kelumpuhan saraf pada kaki. Oleh sebab keadaan otot yang lemah dan keadaan pemakanan yang tidak baik, pembedahan diperlukan dengan segera. Selain pembedahan pertama, mungkin pembedahan kedua atau ketiga juga diperlukan.”

Pada bulan Februari 2023, saya pernah mengalami kesembuhan melalui doa Pastor Kanan Soojin Lee apabila saya sepatutnya menjalani pembedahan pada tendon bahu kanan saya. Oleh itu, saya memutuskan untuk juga menerima kesembuhan melalui iman pada kali ini. Pertama, saya merenung diri saya dalam doa dan bertaubat kerana saya mudah marah, menghakimi, memfitnah, dan menjerit kepada keluarga saya. Hal sedemikian merupakan tembok dosa di hadapan Tuhan walaupun saya berfikir bahawa saya hidup mengikut firman Tuhan.

Pada hari Ahad, 3 September, saya berasa bersyukur dan tenang apabila menerima doa daripada Pastor Kanan. Tambahan pula, saya berasa ada kekuatan pada seluruh badan, dan kesakitan pada tulang belakang saya hilang. Selepas itu, kaki kiri saya yang sejuk dan kekurangan otot mula berasa hangat, dan berat badan saya mula bertambah berat sedikit demi sedikit. Apabila Pastor Kanan

berdoa pada akhir Perjumpaan Doa Daniel, dengan mengatakan, “Tolong hidupkan semula saraf dan sel yang mati,” saya memahatkannya dalam hati saya. Saraf dan sel yang telah mati pada kaki kiri telah dihidupkan semula dan keadaannya bertambah baik.

Kaki kiri saya secara beransur-ansur mempunyai otot dan menjadi lebih besar, dan pada bulan April tahun ini, kaki kiri saya menjadi sama seperti kaki kanan saya, lalu saya dapat berjalan dengan baik. Pada bulan Julai, semasa Perjumpaan Doa Nazar Daniel 21 Hari untuk retret musim panas, kaki kiri saya menjadi sama panjang dengan kaki kanan saya.

Saya yakin dengan kesembuhan yang sepenuhnya daripada Tuhan, jadi saya pergi ke hospital pada 26 Julai untuk mendapatkan pengesahan perubatan dan memberikan kemuliaan kepada Tuhan.

Saya dengan sopan berkata kepada doktor, “Doktor, saya sepatutnya menjalani pembedahan pada 6 September tahun lepas, tetapi saya tidak menjalani pembedahan. Sebaliknya, saya menerima doa daripada pastor saya dan menerima kesembuhan untuk tulang belakang dan kaki. Kaki saya juga kelihatan telah bertumbuh lebih daripada 1cm. Bolehkah doktor mengesahkan perkara ini secara perubatan?” Doktor melakukan puluhan imbasan MRI dan berkata, “Kamu betul! Tahniah!” Telah disahkan bahawa saya telah disembuhkan oleh kuasa Tuhan.

Pada 29 Julai, hari pertama retret musim panas, dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi, saya bersaksi tentang pekerjaan Roh Kudus yang menakjubkan ini dan memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Hidup. Haleluyah!

Tuhan ialah Cahaya (8)

# Firman-Mu ialah Lampu dan Cahaya

"Aku mengerti lebih daripada penatuaku, kerana aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu... Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku." (Mazmur 119:100, 105 AVB).

"Apabila anda mematuhi ajaran-ajaran Tuhan, anda dapat melihat jalan anda dengan jelas melalui pemahaman yang anda dapat daripada Tuhan. Maka, anda tidak akan tersesat dan bahkan dapat menemui jalan pintas."

Walaupun anda berjalan melalui lembah bayangan maut, anda tidak perlu takut atau khuatir. Jika Tuhan yang merupakan Cahaya menjadi lampu bagi kaki anda dan cahaya bagi jalan anda, anda mungkin tidak akan menemui sebarang halangan atau kesukaran dalam hidup.

Bagaimanakah kita dapat diselamatkan daripada pelbagai ujian dan cubaan serta dibimbing kepada kehidupan dan kedamaian? Apabila anda mematuhi ajaran-ajaran Tuhan, anda dapat melihat jalan anda dengan jelas melalui pemahaman yang anda dapat daripada Tuhan. Oleh itu, anda tidak akan tersesat bahkan dapat menemui jalan pintas. Anda dapat memuliakan Tuhan dengan hebat.

## 1. Firman Tuhan ialah Lampu dan Cahaya dalam Hidup Anda

Mazmur 119:100 (AVB) menyatakan, "Aku mengerti lebih daripada penatuaku, kerana aku mematuhi ajaran-ajaran-Mu." 'Pengertian' secara rohani bermaksud 'mendapat pandangan tentang jalan seseorang.' Oleh itu, ayat ini bermaksud bahawa seseorang yang mematuhi ajaran-ajaran Tuhan dapat melihat jalannya dan memahami perkara-perkara dengan lebih baik daripada orang tua.

Mengapakah orang tua disebut di sini? Orang tua bukan sekadar merujuk orang yang sudah berusia, tetapi merujuk orang yang bijaksana yang dapat membuat pertimbangan berdasarkan pengalaman hidup yang luas dan kebijaksanaan. Mereka yang mempunyai pengertian yang baik kerana pengalaman luas sepanjang masa disamakan dengan orang tua.

Jika anda dibimbing pada jalan pengertian oleh orang yang berpengalaman sebegitu, anda mungkin mempunyai peluang untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Namun begitu, jika anda bergantung pada Tuhan yang merupakan sumber kebijaksanaan, betapa lebih baiknya hidup yang dapat anda jalani!

Oleh sebab Tuhan ialah Yang Maha Kuasa, Dia

mengetahui segalanya terlebih dahulu dan membolehkan permulaan dan akhir sejarah manusia dicatatkan dalam Alkitab. Oleh itu, apabila kita bergantung pada Tuhan dan mematuhi ajaran-ajaran-Nya, kita dapat melalui jalan yang lebih pasti dan teguh daripada jalan dunia ini. Jalan tersebut tidak akan pernah berkekurangan atau tersasar ke kanan atau ke kiri.

Oleh itu, jalan untuk menjadikan hidup anda berharga adalah dengan mematuhi ajaran-ajaran Tuhan sebagai lampu bagi kaki anda dan cahaya bagi jalan anda.

## 2. Menjadikan Firman Tuhan sebagai Lampu bagi Kaki Anda dan Cahaya bagi Jalan Anda

### Pertama sekali, anda mesti menahan kaki anda daripada segala jalan yang jahat.

Mazmur 119:101 menyatakan, "Aku telah mengawal kakiku daripada setiap jalan kejahatan supaya aku dapat mematuhi firman-Mu."

Sebab anda mesti menahan kaki anda adalah kerana kaki ialah anggota badan yang melaksanakan keputusan anda tentang ke mana hendak pergi. Oleh itu, 'kaki' secara rohani melambangkan keseluruhan proses kehidupan manusia termasuk perjalanan masa dan apa yang dikejar oleh mereka dalam hidup. Oleh itu, 'menahan kaki anda daripada jalan kejahatan' bermaksud anda tidak melakukan kejahatan dan tidak turut serta dalam apa-apa yang jahat, tetapi hanya melakukan kebaikan sepanjang hidup anda.

Raja Uzia, raja Yehuda yang kesembilan, naik takhta pada usia enam belas tahun. Dia memerintah kerajaan dengan bijaksana pada tahun-tahun awal pemerintahannya dan menjadikan negaranya makmur. Dengan rendah hati bergantung pada Tuhan, dia memperluaskan wilayahnya dan bangsa-bangsa lain membayar ufti kepadanya. Hal itu ialah masa yang paling makmur selepas pemerintahan Raja Salomo.

Walau bagaimanapun, Raja Uzia menjadi sombong walaupun semuanya adalah kerana rahmat Tuhan sehingga negara itu menjadi kuat, dan akhirnya dia menyimpang ke jalan kejahatan. Dia melakukan sesuatu yang melampaui

kuasanya dengan melakukan apa yang hanya boleh dilakukan oleh imam (2 Tawarikh 26:16). Insiden ini menyebabkan Tuhan murka dan kemurkaan-Nya menimpa dia lalu dia diserang penyakit kusta. Dia terpaksa tinggal di rumah yang berasingan sehingga dia meninggal dunia. Walaupun selepas dia meninggal, dia tidak dikebumikan di makam raja-raja.

Tidak seperti Uzia, Yusuf tidak menuju jalan kejahatan. Dia hanya mengikuti jalan yang benar di hadapan Tuhan. Walaupun dia dituduh secara palsu dan dipenjarakan, penderitaannya berubah menjadi berkat. Dia mentafsirkan mimpi Firaun dengan kebijaksanaan daripada Tuhan lalu menjadi pemerintah kedua di Mesir. Apabila kita juga menahan diri daripada segala jalan kejahatan dan hidup berdasarkan Firman Tuhan, kita akan menerima kebijaksanaan dan pengertian dari syurga dan dipimpin kepada kemakmuran dalam segala hal.

Dengan kata lain, menyingkirkan kejahatan ialah perkara pertama yang mesti kita lakukan untuk mematuhi ajaran-ajaran Tuhan, dan hal itu juga cara untuk memperoleh pengertian yang lebih baik daripada orang tua. Oleh itu, saya berharap agar anda akan menyingkirkan segala bentuk kejahatan dari hati anda dan dengan rendah hati bergantung pada Tuhan.

### **Kedua, anda tidak boleh menyimpang daripada hukum-hukum Tuhan.**

Mazmur 119:102 (AVB) menyatakan, "Aku tidak menyimpang daripada hukum-hukum-Mu, kerana Engkau sendiri telah mengajarku."

Hukum-hukum merujuk perintah-perintah Tuhan seperti peraturan dan undang-undang yang diberikan kepada orang Israel supaya mereka dapat memeliharanya dari generasi ke generasi (Keluaran 12:17; Imamat 16:34; 1 Tawarikh 23:31). Namun begitu, hukum-hukum Tuhan bukan sahaja untuk orang Israel malah juga untuk semua orang yang percaya kepada Tuhan sehingga hari ini.

Sudah tentu, hal ini tidak bermaksud bahawa kita harus menjalankan semua bentuk ibadat dan upacara yang dilakukan oleh orang Israel pada zaman Perjanjian Lama. Orang Israel melakukan sunat fizikal pada zaman Perjanjian Lama, tetapi orang pada zaman Perjanjian Baru mempunyai hati yang bersunat. Dalam erti kata ini, mereka dapat mentaati hukum apabila mereka memahami makna rohani daripadanya.

Sesiapa sahaja dapat menjauhkan diri daripada jalan kejahatan apabila mereka berpegang teguh pada hukum-hukum Tuhan. Apabila orang menjauhkan diri daripada hukum-hukum Tuhan, Syaitan lebih cenderung untuk mengisi hati mereka dengan ketidakbenaran dan kejahatan. Namun begitu, jika mereka mengisi hati mereka dengan Firman Tuhan yang merupakan kebenaran, mereka tidak mempunyai masa untuk membiarkan ketidakbenaran berkumpul dalam hati mereka dan mereka dapat berubah menjadi orang yang kudus dan sempurna. Inilah sebab asas mengapa anda perlu mematuhi hukum-hukum Tuhan.

Raja Ahab dari Kerajaan Utara Israel adalah lebih jahat daripada mana-mana raja sebelumnya. Dia membuatkan Tuhan murka dengan menyembah berhala bangsa-bangsa

asing. Pada masa yang sama, Raja Yosafat memerintah Kerajaan Selatan Yehuda. Raja Yosafat melakukan perkara yang benar pada pandangan Tuhan. Dia pernah turut serta dalam perang melawan Aram untuk membantu Ahab. Ahab menyamar sebagai salah seorang askar kerana dia takut musuh akan mengenalinya dan membunuhnya, sementara Yosafat masih memakai jubah kerajaan semasa perang. Namun begitu, yang terbunuh oleh tentera Aram ialah Raja Ahab ketika dalam pertempuran yang sengit. Raja Ahab mendapat penghinaan walaupun selepas dia meninggal dunia kerana anjing menjilat darahnya seperti yang telah dinubuatkan oleh Elia. Hal ini jelas menunjukkan contoh pengakhiran bagi orang jahat yang menyimpang daripada hukum-hukum Tuhan.

Hizkia, raja Yehuda, juga melakukan yang benar pada pandangan Tuhan dan bergantung pada-Nya. Oleh sebab Tuhan bersamanya, dia berjaya ke mana-mana sahaja dia pergi (2 Raja-raja 18:6-7). Ketika kerajaannya berada dalam bahaya akibat pencerobohan orang Asyur, dia berdoa kepada Tuhan. Kemudian pada malam itu, malaikat Tuhan keluar dan menewaskan 185,000 orang di perkhemahan orang Asyur; dan ketika orang bangun pada pagi esoknya, semuanya telah mati (2 Raja-raja 19:35).

Secara ringkas, jika anda tidak menyimpang daripada hukum-hukum Tuhan, anda akan diberi pengertian untuk memandang ke hadapan dan menetapkan kaedah mengikutnya. Kemudian, anda dapat dibimbing ke arah kemakmuran.

### **Ketiga, anda mesti mendambakan firman Tuhan yang lebih manis daripada madu.**

Mazmur 119:103 menyatakan, "Betapa manisnya kata-kata-Mu bagiku, lebih manis daripada madu bagi lidahku!" Contoh alkitabiah yang mendambakan Firman Tuhan seperti ini ialah Daniel.

Daniel ialah keturunan raja Yehuda, tetapi dia dibawa sebagai tawanan ke Babel pada tahun 605 SM ketika Nebukadnezar, raja Babel menyerang kerajaan Yehuda. Empayar Babel mengambil beberapa tawanan ke istana yang layak untuk dilatih sebagai sebahagian daripada polisi harmoninya. Daniel ialah salah seorang daripada mereka. Dia sepatutnya makan makanan pilihan raja dan minuman anggur selama tiga tahun.

Namun begitu, Daniel bertekad untuk tidak menajiskan dirinya dengan makanan pilihan raja atau dengan minuman anggur meskipun dia hanyalah seorang tawanan; jadi dia meminta izin daripada ketua pegawai istana. Daniel meminta ketua pegawai istana untuk menguji dia selama sepuluh hari, iaitu, memberinya hanya beberapa sayuran untuk dimakan dan air untuk diminum. Hal ini demikian kerana dia takut ada benda yang telah dipersembahkan kepada berhala atau daging binatang yang menjijikkan yang dilarang oleh Tuhan.

Ketua pegawai istana bersetuju dengan permintaannya dalam hal ini dan mengujinya selama sepuluh hari. Pada akhir sepuluh hari, penampilan Daniel kelihatan lebih baik dan dia lebih gemuk daripada semua pemuda yang telah makan makanan pilihan raja. Oleh itu, penjaga itu menyingkirkan makanan pilihan raja dan minuman anggur



yang sepatutnya diminum oleh Daniel, dan berterusan memberikan sayuran kepadanya. Dengan cara ini, Daniel mentaati Firman Tuhan yang membawa kepada kehidupan kekal dan menganggapnya manis seperti madu. Itulah sebabnya hidup Daniel sangat berharga dan hidupnya berjaya. Dia ialah seorang tawanan tetapi menjadi wakil kerajaan Babel. Walaupun ketika dia dilemparkan ke dalam gua singa, dia tidak terluka sama sekali dan sangat memuliakan Tuhan Yang Maha Hidup.

Jika anda merasakan Firman Tuhan lebih manis daripada madu dan menggunakannya dengan kerinduan, dengan kata lain, jika anda menganggapnya lebih penting dan lebih berharga daripada apa-apa pun di dunia ini, anda akan dapat menjadikan Firman itu sebagai lampu bagi kaki anda dan cahaya bagi jalan anda. Dengan demikian, anda akan diselamatkan daripada segala jenis ujian dan dipimpin menuju kehidupan dan kedamaian.

#### **Keempat, anda mesti membenci setiap jalan yang palsu.**

Mazmur 119:104 menyatakan, "Melalui ajaran-ajaran-Mu aku mendapat pengertian; oleh itu, aku membenci setiap jalan yang palsu." Mengapakah kita harus membenci setiap jalan yang palsu ketika kita memperoleh pengertian daripada hukum-hukum Tuhan?

Apabila anda mematuhi peraturan Tuhan, anda akan diberikan penyelesaian bagi setiap masalah dan diperlihatkan jalan. Setelah anda dapat membezakan antara yang benar dan salah, kebaikan dan kejahatan, dan hidup serta kematian melalui pengertian yang anda peroleh, anda tidak dapat tidak membenci kejahatan yang memutarbelitkan kebenaran dan mengarah pada kebinasaan.

Bayi tidak peduli apabila badan atau pakaiannya dicemari oleh kotoran. Dia mungkin terus bermain kerana dia tidak tahu apa-apa. Apabila dia membesar dan belajar sesuatu, dia belajar bahawa kotoran adalah kotor. Dia kemudian cuba membasuh pakaian apabila menjadi kotor. Sangat penting untuk membezakan yang bersih daripada yang kotor.

Prinsip relativiti ini juga berlaku dalam ruang rohani. Ketika orang tidak tahu apa dosa dan seberapa kotornya dosa, mereka tidak menganggapnya serius, meskipun mereka mempunyai dosa dalam hati mereka. Namun begitu, setelah firman kebenaran menerangi hati mereka dan mereka menyedari dosa, kebenaran, dan penghakiman, mereka akan membenci dan menjauhi dosa.

Marilah kita sekarang meneliti setiap jalan yang palsu yang harus kita benci untuk mendapatkan pengertian dalam Tuhan.

Pertama, jalan kejahatan merujuk sesetengah perkataan daripada bibir seperti kata-kata jahat, kata-kata yang tidak betul, kata-kata yang tidak jujur, kata-kata nakal, dusta, fitnah, kata-kata yang sia-sia, dan kata-kata penuh dendam.

Kedua, jalan kejahatan termasuk penipuan. Jika anda menipu orang lain dan menjual produk anda dengan harga yang sangat tinggi, jika anda mengatakan sesuatu yang benar sebagai salah, atau jika anda melanggar janji anda, hal itu merupakan penipuan terhadap orang lain.

Ketiga, jalan kejahatan juga menunjukkan keinginan untuk menuai di tempat yang tidak anda tanam. Jika anda ingin mendapatkan lebih daripada apa yang telah anda lakukan, ingin mendapatkan kekayaan besar dalam satu kesempatan, atau menginginkan sesuatu yang sangat tidak realistik, semua itu merupakan tindakan yang mengabaikan keadilan Tuhan, dan Tuhan membencinya.

Untuk 'membenci setiap jalan kejahatan' bukan bermaksud bahawa anda harus mempunyai perasaan buruk atau marah saat anda melihat kejahatan. 'Membenci jalan kejahatan' secara rohani bermaksud menjauhkan diri daripada kejahatan, mengatasi kejahatan dengan kebaikan, dan menyerahkan segala-galanya kepada Tuhan tanpa mencari balas dendam pada musuh.

Selain itu, ketika anda membenci kejahatan, anda mungkin membenci dosa, tetapi anda mungkin tidak membenci orang yang melakukan dosa. Anda mungkin mengampuni mereka bahkan hingga tujuh puluh kali tujuh, menunjukkan belas kasihan kepada mereka, dan menjaga kebajikan anak-anak yatim, janda, dan tetangga lain yang terbiar. Tindakan seperti itu ialah tindakan membenci kejahatan. Ketika anda membenci jalan-jalan kejahatan dan mengikuti hanya kebenaran, tubuh dan jiwa anda akan aman terlindungi, dan anda akan menikmati kemakmuran dalam segala hal.

Saudara dan saudara yang saya kasihi dalam Kristus. Saya berharap pengakuan, "Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku," akan menjadi milik anda. Saya berdoa dalam nama Tuhan Yesus agar anda mempunyai Tuhan sebagai tempat berlindung dan menjalani kehidupan yang bahagia, indah, dan berjaya dengan kemakmuran dalam segala hal.

Malay

## **Berita Manmin**

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07056)

<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>

[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com), E-mel: [manminhq@manmin.kr](mailto:manminhq@manmin.kr)

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Manmin International Seminary

Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



World Christian Doctors Network

[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Urim Books

Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)

# Saya sembuh daripada tumor pituitari dan osteoarthritis lutut!

Diaken Kanan Sunhwa Kim | Berusia 53 tahun, Paroki 15 di Gereja Pusat Manmin

Tujuh tahun yang lalu, pada tahun 2017, saya didiagnosis dengan tumor pituitari selepas menjalani pemeriksaan kesihatan di Hospital Universiti Nasional Seoul. Tiba-tiba, saya berasa panas pada seluruh muka dan badan, dan saya mengalami peluh sejuk serta sakit kepala yang datang sekejap-sekejap. Suami saya mengurus saya dengan segenap kekuatannya lalu saya pun menjadi tenang. Pada pukul 4 atau 5 petang, saya berasa sangat letih dan semua tenaga saya seperti hilang. Saya perlu berbaring selama satu jam. Doktor memberitahu saya bahawa tumor itu tidak cukup besar untuk memerlukan pembedahan lalu menyuruh saya untuk menunggu sedikit masa lagi. Dia juga meminta saya mengambil ubat sekali seminggu.

Dalam persediaan untuk retret musim panas Manmin 2023, saya menyedari bahawa saya kekurangan kerinduan untuk kehidupan rohani lalu bertekad untuk menerima kesembuhan melalui iman semasa retret.

Pada bulan Julai, Perjumpaan Doa Nazar Daniel selama 21 hari telah diadakan, dan paroki saya menjemput Puan Boknim Lee, Presiden Pusat Doa Manmin, untuk memimpin perjumpaan doa khas. Apabila beliau meletakkan tangan beliau di atas kepala saya, saya merasakan kehangatan dan keselesaan seperti kapas. Perasaan itu berlarutan sehingga saya pulang ke rumah selepas perjumpaan doa.

Selepas itu, perubahan besar berlaku di dalam badan saya. Gejala demam, peluh sejuk, dan sakit kepala hilang, dan keletihan yang melampau yang biasanya datang setiap jam 4 atau 5 petang juga hilang. Dalam pemeriksaan berkala di Hospital Universiti Nasional Seoul pada bulan Oktober tahun itu, saiz tumor disahkan telah berkurang dengan ketara, dan saya tidak lagi memerlukan ubat yang saya ambil selama 7 tahun. Haleluyah!

Tambahan lagi, saya juga disembuhkan daripada osteoarthritis lutut sebelum retret musim panas pada tahun ini. Pada hujung tahun lalu, saya pulang dari senaman berjalan kaki seperti biasa, tetapi kedua-dua lutut saya mula sakit dan terasa ngilu. Semakin lama, kesakitan semakin teruk, dan saya tidak dapat berjalan walaupun hanya 20 hingga 30 minit. Saya tidak dapat membengkokkan atau meluruskan lutut saya, dan apabila saya bangun dari


tempat duduk, saya terpaksa menyokong badan dengan lengan, sehingga pergelangan tangan saya menjadi kebas. Akhirnya, sakit belakang saya menjadi begitu teruk sehingga saya tidak dapat lagi melakukan senaman berjalan kaki.

Pada awal Mei tahun ini, saya pergi ke hospital lalu doktor memberitahu saya, “Kamu mengalami osteoarthritis tahap awal. Kamu perlu mendapatkan suntikan sendi dan menjalani fisioterapi sekali seminggu.” Saya telah disembuhkan daripada tumor pituitari dengan iman pada tahun lalu semasa persediaan untuk retret musim panas Manmin 2023. Oleh itu, saya juga berhasrat untuk disembuhkan dalam retret pada tahun ini.

Pada bulan Julai, saya menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel selama 21 hari sebagai persediaan untuk retret musim panas dan belajar mengenai ‘Pesanan Salib’ sambil berpuasa pada waktu pagi dan memberikan persembahan kesyukuran. Suatu hari, saya berfikir, “Arthritis ini sangat menyakitkan dan sukar, jadi bagaimana Yesus menanggung salib yang berat itu?” lalu saya bertaubat dengan air mata kerana tidak memberikan kesyukuran dalam segala hal. Ketika Pastor Kanan Soojin Lee berdoa pada akhir Perjumpaan Doa Daniel, cahaya terang bersinar melalui saya sebanyak tiga kali, dan saya mendapat keyakinan tentang kesembuhan.

Pada hari terakhir Perjumpaan Doa Nazar Daniel 21 hari, dalam perjalanan pulang, saya dapat berjalan tanpa rasa sakit sama sekali pada lutut dan belakang. Oleh sebab saya tidak berasa sakit, saya dapat berjalan lurus tanpa henti. Osteoarthritis saya telah sembuh.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Yesus yang penuh kasih, yang dicambuk dan menumpahkan darah-Nya untuk kita, serta membebaskan kita daripada kesakitan pelbagai jenis penyakit.

**Peluang istimewa untuk kesihatan dan kesejahteraan anda!  
Penyembuhan dan jawapan  
Tuhan melalui pekerjaan Roh Kudus yang berapi-api!  
Datang dan lihatlah perubahan serta mukjizat baharu dalam hidup anda!**

**Di Gereja Pusat Manmin  
Pada jam 11 malam, Jumaat, 29 November 2024  
Pengkhotbah: Pastor Soojin Lee**

Anda dapat menontonnya melalui [www.manmin.org](http://www.manmin.org) atau [www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)